

Dasar Gaji Progresif bersifat Sulkarela, terkait produktiviti

Dari muka 1

Katanya, perkara ini akan dibawa ke Jemaah Menteri bagi memperhalusi mekanisme pelaksanaan secara berperingkat dan meneroka keperluan untuk memperuntukkan dana sebagai insentif dasar yang akan ditentukan berdasarkan kedudukan kerwagan kerajaan dan keperluan dasar.

"MTEN berpandangan bahawa Dasar Gaji Progresif merupakan salah satu reformasi pasaran pekerja untuk memastikan pekerja Malaysia tidak dibebankan dengan kos sara hidup dan dapat menikmati pekerjaan dengan gaji yang bermaruah, demi kesejahteraan rakyat dan mencapai agenda mengangkat ekonomi negara," katanya.

Menurut Anwar, mesyuarat MTEN semalam yang berbin-cang mengenai cadangan Dasar Gaji Progresif itu adalah satu anjakan ke arah memulihkan pasaran pekerja supaya gaji pekerja dapat ditingkatkan dengan lebih konsisten dan pengagihan gaji lebih seimbang. Katanya, isu gaji merupakan perkara pokok yang tidak boleh



ANWAR IBRAHIM mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara di Putrajaya semalam.
-JABATAN PERDANA MENTERI

dibaikkan kerana lebih dua juta pekerja Malaysia masih berpendapatan kurang daripada

RM2,000 sebulan seperti mana Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 seperti dibentangkan pada minggu lalu.

Beliau berkata, situasi itu lebih membimbangkan buat golongan muda antara umur 20-24 tahun di mana gaji penengah mereka hanyalah

RM1,682 sebulan.

"Bagi kebanyakkan pekerja Malaysia, gaji hanya akan meningkat kepada RM3,500 pada paras tertinggi sekitar umur 40-49 tahun sepanjang kerjaya mereka," katanya.

Kata Perdana Menteri, Gasan Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat merupakan wadah yang menetapkan halatuju negara dalam tempoh sederhana terutamanya untuk mele-

takkan negara sebagai peneraju ekonomi Asia dan di kalangan 30 ekonomi terbesar dunia.

"Dalam masa yang sama, berikutnya peratusan pendapatan pekerja Malaysia telah menurun daripada 37.2 peratus pada 2020 kepada 32.4 peratus pada 2022, kerajaan me-

netapkan sasaran nisbah ini agar meningkat kepada 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan," katanya.

TARIKH: 8/8/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia : Dalam Negeri
MUKA SURAT: Sambungan muka surat 3.